


KESENIAN HULU KERIS TAJONG

NADIRAH MOHD AMIN

97185846

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti
Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada Ijazah Sarjana Muda
Seni Lukis dan Seni Reka.

- 1. Diperiksa oleh  Tarikh 12/04/01
- 2. Diperiksa oleh Tarikh
- 3. Diperiksa oleh Tarikh

Dekan,
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Disini saya ingin memanjatkan rasa penuh kesyukuran yang tak terhingga ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniaanya, saya cenderung untuk menyempurnakan usaha murni ini bagi menyiapkan tesis ini.

Dalam kesempatan yang tak terhingga ini, saya ingin mengambil sedikit ruang untuk mengucapkan dan merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat baik secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menyiapkan tesis ini .

Disini, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penasihat saya iaitu En.Nik Abdullah Zawawi b. Che Mat, yang membantu membuatkan tesis ini lebih sempurna dan mantap. Tak lupa juga kepada pensyarah Fakulti Seni Reka Logam Halus iaitu Tn.Hj. Mohd Dahuri Idris dan En.Nik Shairozi yang banyak memberi sokongan moral.

Disamping itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada teman-teman seperjuangan, terutama sekali buat Gee, Al, Kak Aida, Zaihedah, Jojie, Along, Angah dan semua pelajar 08 Seni Reka Logam halus 1997/2001. Sesungguhnya kenangan pahit manis bersama kalian, akan terus kekal abadi disanubari yang tidak mungkin dilupakan begitu sahaja.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat ditempat praktikal (K.B Permai), yang banyak memberi dorongan dan bantuan

terutamanya, Pak Teh, Abg.Zack, Abg Yol, Kak Lah dan yang turut terlibat menjayakan latihan praktikal. Segala jenis bantuan yang dihulurkan akan sentiasa dikenang dan menjadi ingatan abadi.

Rakaman penghargaan ini juga kepada orang awam yang terlibat iaitu En. Nik Rashidee Nik Hussien yang memberikan sedikit sebanyak gambaran tentang kajian yang saya lakukan.

Ucapan terima kasih ini juga untuk semua kakitangan Perpustakaan Awam Kelantan, Perpustakaan UiTM cawangan kelantan, Perpustakaan Tun Abdul Razak dan juga kepada yang turut menjayakan tesis ini.

Akhir sekali, dengan perasaan yang penuh dengan keinsafan dan terharu, ucapan ini ditujukan khas buat kedua ibubapa saya iaitu Mohd Amin Yacob dan Asiah Hj.Ibrahim. Segala jasa dan pengorbanan yang telah ayahanda dan Bonda curahkan akan dihargai sehingga ke akhir hayat dan segala bakti yang dihulurkan tidak terbalas. Rakaman terima kasih juga kepada Abang Long, Abang Ngah, Kak Zah, Mat dan Balkis.

SEKIAN, WASSALAM.

**NADIRAH MOHD AMIN,
FAKULTI SENILUKIS & SENIREKA,
JABATAN SENI LOGAM HALUS (AD 13),
UiTM CAW. MACHANG.**

SINOPSIS

Kajian ini merangkumi tentang sejarah silam pembuatan keris serta hulu keris yang terdapat di semenanjung Tanah Melayu pada sekitar abad ke-14. Keris merupakan senjata tradisional serta di gunakan sebagai alat kebesaran dan dikatakan mempunyai pelbagai peranan lain khususnya bagi masyarakat melayu. Melalui kajian dan pemerhatian yang dijalankan, hulu keris Tajong mempunyai nilai estetika yang tinggi dan unik. Ini kerana hasil ukiran yang terdapat pada hulu keris tersebut hanya dapat diukir oleh sesetengah pengukir sahaja. Berdasarkan fakta tersebut, seorang pengukir telah ditemui untuk lebih mendalami maksud yang tersirat disebalik ukiran unik tersebut. Pelbagai kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang terperinci daripada pengukir tersebut. Setiap informasi yang diperolehi kemudiannya dianalisa semula bagi melengkapkan sesebuah teks. Setelah maklumat yang diperolehi itu diteliti ia kemudiannya di uji untuk membandingkan kebenaran yang dibuat dengan jawapan pengukir. Kemudian hasil itu diperbincangkan untuk mencapai keputusan yang memuaskan serta dirumus dan memberikan sedikit cadangan untuk lebih memantapkan industri ukiran negara. Bak kata pepatah

‘ kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya’, jika kita tidak berusaha, hasil tidak datang mencurah-curah.

PRAKATA

Pengkaji berharap semoga tesis yang dihasilkan oleh pengkaji dapat memberikan sedikit sebanyak pengetahuan kepada sebilangan masyarakat yang tidak mengambil berat akan warisan negara yang hampir luput, untuk dihargai dan dijaga supaya dapat diwarisi untuk generasi yang akan datang.

Kesenian yang terdapat pada hulu keris mempunyai nilai estetika yang tiada tolok bandingnya tidak kira sama ada asal-usulnya, cara pembuatannya dan nilai kesenian ukiran yang halus serta motif yang terdapat pada hulu sesebuah keris.

Hulu keris mempunyai struktur dan sifatnya yang tersendiri bagi masyarakat melayu lama. Motif yang digunakan adalah berdasarkan atau berasaskan kepada alam semulajadi dan adunan pelbagai bentuk geometri.

Disini dengan jelas membuktikan yang orang melayu lama dapat memanfaatkan keindahan alam semulajadi dengan begitu teliti. Dan kita sebagai rakyat Malaysia dan masyarakat yang cintakan kepada nilai-nilai estetika kemelayuan haruslah mengambil berat tentang kepupusan yang bakal dihadapi oleh pecinta senjata seperti 'keris' terutamanya.

Sejak zaman-berzaman masyarakat melayu telah mengenali keris sebagai senjata dan lambang kekuasaan serta kemegahan. Sekalipun zaman telah berubah mengikut arus kemodenan dan teknologi maklumat, keagungan dan